

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 Mac 2017

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kakitangan wanita dalam jabatan perkhidmatan awam dan syarikat GLC serta swasta mengikut setiap negeri pada tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Berdasarkan data yang diterima dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), jumlah kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam pada tahun 2015 dan 2016 dapat dirumuskan seperti berikut. Pada tahun 2015, jumlah kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seramai 1,461 orang iaitu 35.2% daripada keseluruhan kakitangan di peringkat ini. Manakala bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 328,220 orang adalah kakitangan wanita iaitu 65.3% daripada jumlah keseluruhan 502,624 orang. Bagi kakitangan Kumpulan Pelaksana pula, 396,460 orang adalah wanita daripada jumlah keseluruhan 762,512 orang iaitu bersamaan dengan 52.0%. Manakala bagi tahun 2016, jumlah kakitangan wanita di peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam perkhidmatan awam adalah seramai 1,461 orang iaitu 35.8% daripada 4,078 orang. Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kakitangan wanita merangkumi 66.5% iaitu 334,181 orang daripada jumlah keseluruhan 502,604 orang. Bagi Kumpulan Pelaksana pula, bilangan kakitangan wanita adalah seramai 393,269 orang iaitu 51.6% daripada jumlah keseluruhan 762,512. Bagi pecahan kakitangan perkhidmatan awam wanita mengikut negeri, Selangor mempunyai bilangan kakitangan wanita yang paling ramai pada tahun 2015 iaitu seramai 104,953 orang yang merupakan 64.1% daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam. Manakala bagi tahun 2016 pula, Sabah mempunyai kakitangan wanita yang paling ramai dalam perkhidmatan awam iaitu seramai 106,440 iaitu 64.5% daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam. Pecahan terperinci statistik ini adalah seperti di lampiran. Untuk makluman juga, statistik ini adalah tidak termasuk anggota Polis Diraja Malaysia dan anggota Angkatan Tentera Malaysia. Bagi kakitangan wanita dalam syarikat GLC serta swasta pula, kementerian tidak mempunyai statistik seperti yang dipohon. Walau bagaimanapun, kementerian ingin berkongsi statistik bilangan ahli pengarah wanita dalam Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Daripada keseluruhan 777 orang lembaga pengarah dari 107 buah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, 109 orang atau 14% pengarahnya adalah wanita. Manakala bagi penyertaan wanita dalam tenaga kerja secara keseluruhannya adalah berada di tahap 54.2% pada suku ketiga 2016 iaitu seramai 5.46 juta wanita di Malaysia.

